

## **Kerangka Budaya Baharu dalam Membangunkan Tamkin Kuasa** *A New Cultural Framework for Developing National Power*

**Zaidi Mohamad Jalil, Mohammad Afiq Shazwan Abd Samat, Mohd Shahril Atiqi  
Mohamed Sharip, Noorzamri Ibrahim, Noor Ruzaini Adam<sup>①</sup>, Zulikha Ali**

Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR)

<sup>①</sup>Corresponding author: ruzaini.adam@gmail.com

### **ABSTRAK**

Tamkin kuasa ialah kuasa nasional yang bersifat menyeluruh dan meliputi pelbagai paksi seperti politik, ekonomi, ketenteraan, hubungan luar, media, pendidikan, dan kebudayaan. Budaya dikenal pasti sebagai salah satu paksi strategik yang berperanan sebagai pemangkin kepada pencapaian kuasa nasional tersebut. Berdasarkan kajian terdahulu yang mendapati bahawa kerangka budaya tempatan telah dihakis oleh penaklukan epistemologi kolonial, kajian ini mengemukakan satu kerangka budaya baharu. Kerangka ini terbina daripada asas asimilasi antara budaya dan syariat dan merangkumi identiti kebudayaan yang terdiri dari tiga rukun: (1) bangsa peradaban; (2) watan berdaulat; dan (3) agama. Kerangka ini turut mengandungi tiga aspek iaitu kebahagiaan, insaniah dan struktur kenegaraan, dengan tamkin kuasa sebagai matlamat akhir. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis kandungan nas syarak, analisis dokumen berkaitan, sorotan literatur dan perbincangan dengan panel pakar. Sumbangan utama kajian ini ialah mengemukakan kerangka kebudayaan baharu yang bersepadu dan beroperasi sebagai satu sistem dalam membina sebuah peradaban.

### **KATA KUNCI**

*Tamkin kuasa,  
Kerangka budaya,  
Peradaban,  
Watan, Berdaulat*

Received: Sept 9, 2025

Accepted: Jan 27, 2026

Published: May 29, 2026

**ABSTRACT**

*Tamkin kuasa is a comprehensive national power that covers various axes such as politics, economy, military, foreign relations, media, education, and culture. Culture is identified as one of the strategic axes that acts as a catalyst for the achievement of national power. Based on previous studies that found that the local cultural framework has been eroded by the conquest of colonial epistemology, this study presents a new cultural framework. This framework is built on the basis of assimilation between culture and sharia, and consists of cultural identity based on three pillars: (1) civilized nation; (2) sovereign homeland; and (3) religion. This framework also contains three aspects, namely happiness, humanity and state structure, with tamkin kuasa as the ultimate goal. The study uses a qualitative approach through content analysis of Islamic texts, analysis of related documents, literature review and discussions with a panel of experts. The main contribution of this study is to present a new cultural framework that is integrated and operates as a system in building a civilization.*

**KEYWORDS:**

*National power, cultural framework, civilisation, homeland, sovereignty*

**1.0 Pengenalan**

Tamkin kuasa boleh didefinisikan sebagai pengukuhan dan pemeraksanaan kuasa di muka bumi oleh umat Islam berdasarkan al-Quran. Dalam firman-Nya yang bermaksud: "Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan yang mengerjakan amal-amal yang soleh, bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhai-Nya untuk mereka" (Surah al-Nur, 24:55). Tamkin yang dimaksudkan bukanlah sekadar penguasaan politik, sebaliknya merupakan suatu keadaan yang menyeluruh apabila umat berupaya menegakkan agama, mendirikan keadilan dan memimpin tamadun. Hal ini diperjelas dalam ayat lain yang bermaksud: "(laitu) orang-orang yang jika Kami berikan kepada mereka kedudukan di muka bumi nescaya mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar" (Surah al-Hajj, 22:41).

Kajian terdahulu telah menganalisis pengertian dan falsafah budaya serta meninjau pengalaman budaya bangsa dalam sejarah tamadun Islam dan tamadun bukan Islam (Mohamad Jalil et al., 2024). Kajian tersebut mendapati bahawa kerangka budaya tempatan yang berpaksikan bangsa, watan dan agama telah dihakis melalui penaklukan epistemologi kolonial dan disusuli oleh arus globalisasi yang mempromosikan fahaman humanisme dan hedonisme. Walaupun kajian tersebut telah mengemukakan diagnosis yang jelas terhadap permasalahan, kerangka budaya alternatif sebagai pengganti kepada kerangka sedia ada yang telah dihakis belum diusulkan secara terperinci. Kajian ini meneruskan agenda tersebut dengan mengemukakan kerangka baharu yang berstruktur dan berorientasikan matlamat tamkin kuasa.

Oleh itu, kajian ini bertujuan menyediakan komponen kebudayaan tersebut. Secara khususnya, kajian ini menjawab tiga persoalan yang saling berkaitan. Persoalan pertama berkisar tentang takrifan tamkin kuasa serta cara budaya menjadi wadah kepada pencapaiannya. Walaupun istilah tamkin kuasa kerap disebut dalam wacana gerakan Islam tempatan, ia jarang ditakrifkan secara operasional. Persoalan kedua berkaitan dengan struktur kerangka budaya baharu yang berupaya menghasilkan tamkin kuasa. Persoalan ketiga pula berkaitan dengan cara kerangka tersebut beroperasi sebagai sistem yang bersepadu dan bukan sebagai

senarai elemen yang terasing antara satu sama lain.

## 2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian konseptual. Empat kaedah digunakan secara bersepadu bagi mencapai objektif kajian. Kaedah pertama ialah analisis kandungan terhadap nas al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan tamkin seperti dalam Surah al-Nur 24:55, al-Hajj 22:41, Yusuf 12:21 dan 12:56, serta al-Kahfi 18:84. Selain itu, nas yang berkaitan budaya, bangsa, ketinggian Islam dan keindahan turut dianalisis. Tafsiran ayat dirujuk daripada Tafsir al-Tabari, Tafsir al-Qurtubi dan Tafsir Ibn Kathir, manakala hadis disahihkan melalui takhrij asas yang merujuk kepada Kutub al-Sittah. Kaedah kedua ialah analisis dokumen yang berkaitan dengan konsep tamkin kuasa dan kerangka kebudayaan dalam konteks tempatan. Kaedah ketiga ialah sorotan literatur terhadap karya sarjana yang membahaskan konsep tamkin dan kerangka kebudayaan dalam tradisi Islam dan kontemporari. Kaedah keempat ialah beberapa siri perbincangan dengan panel pakar yang dijalankan di bawah naungan Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR). Panel pakar tersebut melibatkan ahli akademik dalam bidang falsafah Islam, sosiologi budaya dan ulama syariah. Perbincangan tersebut bertujuan mengesahkan ketepatan dalil, konseptualisasi tamkin, dan mengesahkan dapatan. Dapatan daripada keempat-empat kaedah tersebut kemudiannya disintesis menjadi kerangka kebudayaan baharu yang akan dibentangkan dalam bahagian seterusnya.

## 3.0 Sorotan Literatur

Sorotan literatur tertumpu kepada penelitian terhadap konsep tamkin dalam tradisi Islam serta konsep negara unggul dan negara maju mengikut acuan sendiri dalam konteks tempatan.

### 3.1 Tamkin Kuasa dalam Tradisi Islam

Konsep tamkin telah dibahaskan secara mendalam oleh sarjana kontemporari. Al-Qaradawi (1997) dalam karyanya *Fiqh al-Dawlah* menggambarkan tamkin sebagai matlamat akhir gerakan Islam, iaitu keadaan apabila sistem Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam negara. Hawwa (1994) dalam *Jund Allah Thaqaqatan wa Akhlaqan* pula menyusun tamkin sebagai marhalah terakhir dalam perjalanan harakah, yang berlaku selepas marhalat *al-ta'rif*, *al-takwin* dan *al-tanfidh*. Al-Ghadban (1996) dalam *Manhaj al-Haraki* mengaitkan tamkin dengan sunnatullah dalam perjalanan tamadun. Walaupun karya-karya tersebut bersifat substantif, kebanyakannya menumpukan tamkin daripada sudut gerakan dan politik, dan kurang menyentuh budaya secara struktural sebagai paksi tamkin yang tersendiri.

Tamkin berasal daripada akar kata Arab *مكّن* yang membawa maksud mengukuhkan, memperkasa atau memberi kedudukan teguh. Dalam al-Quran, perkataan ini disebut beberapa kali dalam konteks Allah SWT mengukuhkan kedudukan umat di muka bumi. Antara contohnya ialah kisah Nabi Yusuf yang diberi kedudukan di negeri Mesir (Surah Yusuf, 12:21 dan 12:56), kisah Zulkarnain yang diberi kedudukan di muka bumi (Surah al-Kahfi, 18:84), serta janji kepada umat Nabi Muhammad SAW dalam Surah al-Nur, 24:55. Berdasarkan asas syarak tersebut, kajian ini mentakrifkan tamkin kuasa sebagai keadaan apabila sesuatu bangsa atau umat memperoleh kedudukan teguh di muka bumi sehingga berupaya mengukuhkan sistem nilai dan epistemologinya sendiri tanpa hegemoni luar, menegakkan keadilan berasaskan kebenaran, menguasai watan dan paksi-paksi kuasa nasional secara berdaulat, serta memimpin masyarakatnya melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.


### 3.2 Reformasi Ilmu dan Falsafah Insaniah

Dalam konteks Malaysia, kuasa nasional tidak akan dapat dicapai dengan mengadaptasi acuan Barat secara membuta tuli (Abdullah Zaik, 2024a). Sepanjang lebih 60 tahun selepas kemerdekaan, Malaysia didapati telah menggunakan acuan Barat dalam pendidikan, pambandaran, ekonomi, perundangan dan tadbir urus. Akibatnya, bangsa Melayu dan Bumiputera terus tercicir daripada arus perdana pembangunan negara. Oleh itu, satu reformasi ilmu dan thaqafah yang bersifat bersepadu dengan menggabungkan wahyu serta kajian empirikal diperlukan. Reformasi ilmu tersebut bertujuan memberi ruang kepada masyarakat tempatan untuk mengambil tempat sepatutnya dalam pembangunan negara, di samping mempertegas etos bangsa sebagai elemen penting dalam kuasa nasional.

Selain itu, falsafah insaniah dilihat penting dalam mencapai tamkin kuasa dan dalam pembangunan kuasa nasional (Abdullah Zaik, 2024a). Falsafah insaniah ialah falsafah yang berasaskan hakikat keinsanan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Peradaban yang berasaskan kebenaran, keadilan dan tanggungjawab akan memberikan kemerdekaan sebenar kepada manusia, mengangkat hakikat keinsanan, dan menghalang berlakunya pemusatan kuasa pada individu kapitalis yang mengeksploitasi sistem hidup untuk kesenangan dirinya sendiri. Tiga nilai paksi inilah, iaitu kebenaran (*al-haq*), keadilan (*al-'adalah*) dan tanggungjawab (*al-mas'uliyah*), menjadi paksi falsafah dalam kerangka kajian ini.

#### 4.0 Kerangka Budaya Baharu

Kajian ini mendapati bahawa kerangka budaya baharu yang berupaya membawa kepada tamkin kuasa terbina daripada empat komponen utama yang saling berhubung antara satu sama lain. Komponen pertama ialah asas asimilasi antara budaya dengan syariat yang menjadi teras kepada keseluruhan kerangka. Komponen kedua merupakan tiga rukun, iaitu bangsa peradaban, watan berdaulat dan agama, yang menjadi tonggak utama dalam membentuk identiti kebudayaan. Komponen ketiga ialah tiga aspek, iaitu kebahagiaan, insaniah dan struktur kenegaraan, yang menjadi dimensi kerangka dan menjelaskan apa yang dijanjikan oleh kerangka tersebut kepada masyarakat. Komponen keempat ialah tamkin kuasa sebagai matlamat akhir yang ingin dicapai. Keseluruhan kerangka ini digambarkan dalam bentuk segi tiga yang bersepadu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.




Rajah 1: Kerangka budaya baharu

Bentuk segi tiga dalam Rajah 1 mencerminkan hubungan sebenar antara komponen-komponen kerangka tersebut. Asas segi tiga, iaitu asimilasi antara budaya dengan syariat, merupakan asas yang

menyokong keseluruhan binaan. Tiga rukun yang digambarkan sebagai bulatan bertindih di tengah-tengah segi tiga menggambarkan bahawa ketiga-tiga rukun saling berinteraksi dan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Tiga aspek pula digambarkan sebagai tiga sisi segi tiga yang menjadi dimensi-dimensi yang dijanjikan oleh kerangka kepada masyarakat. Akhirnya, tamkin kuasa pada puncak segi tiga merupakan matlamat yang dihasilkan apabila keseluruhan kerangka berfungsi secara bersepadu. Bahagian-bahagian seterusnya akan menjelaskan setiap komponen tersebut dengan lebih lanjut.

#### 4.1 Asas Kerangka: Asimiliasi antara Budaya dan Syariat


Asas yang menyokong keseluruhan kerangka ialah konsep asimiliasi antara budaya dengan syariat. Konsep ini dibina selepas meneliti perbezaan asas antara falsafah Barat dengan falsafah Islam berkaitan budaya. Falsafah Barat melihat kebudayaan sebagai sesuatu yang kompleks, yang di dalamnya terkandung pelbagai elemen termasuk pola keagamaan. Mengikut pendekatan ini, manusia mencipta agama melalui proses pengalaman, sehingga konsep yang dikemukakan menafikan kewujudan *khaliq* sebagai pencipta. Manusia dilihat sebagai berinteraksi dengan alam yang zahir secara semula jadi tanpa campur tangan pencipta, dan hanya berasaskan akal ratio semata-mata. Proses tersebut dapat digambarkan secara ringkas dalam Rajah 2.



Rajah 2: Proses selari budaya berasaskan pandangan sarjana Barat

Pendekatan Barat yang digambarkan dalam Rajah 2 melahirkan kebudayaan yang dibelenggu sekularisme dan materialisme. Manusia hanya menggunakan akal ratio untuk berinteraksi dengan alam, dan hasil daripada interaksi tersebut dianggap sebagai budaya. Dalam pendekatan ini, tiada ruang yang diberikan kepada wahyu, tiada peranan yang dimainkan oleh pencipta, dan tiada pula pembezaan antara hakikat zahir dengan hakikat batin.

Sebagai alternatif, falsafah Islam berpandangan bahawa kebudayaan terhasil daripada interaksi manusia dengan alam ciptaan *khaliq*, yang berpaksikan keluhuran akal fikiran dan bersumberkan wahyu sama ada al-Quran ataupun al-Sunnah. Proses tersebut melibatkan dua fungsi akal, iaitu *intelectus* dan *ratio*, yang merangkumi alam fizikal mahupun alam metafizik atau *ghayb* (Al-Attas, 1976). Akal *intelectus* merujuk kepada alat untuk merenung hakikat rohaniah, manakala akal *ratio* pula merupakan alat untuk memahami dan menguasai alam zahir. Proses yang lebih kompleks ini dapat dilihat dalam Rajah 3.



Rajah 3: Proses kompleks budaya menurut pandangan sarjana islam

Berdasarkan perbezaan asas yang ditunjukkan dalam Rajah 2 dan Rajah 3, kajian ini meletakkan asimilasi antara budaya dan syariat sebagai asas yang menyokong keseluruhan binaan kerangka kebudayaan baharu. Konsep asimilasi tersebut berdiri di atas dua prinsip yang saling melengkapi. Prinsip pertama ialah kaedah *al-'Adah Muhakkamah* yang menyatakan bahawa adat boleh dijadikan sumber untuk menyabitkan sesuatu hukum syarak apabila tiada nas yang jelas berkaitan dengannya (Mohd Anuar Ramli, 2006). Prinsip ini memberi ruang kepada kearifan tempatan untuk terus diamalkan, di mana budaya Melayu, adat istiadat dan kesenian boleh terus diamalkan selagi tidak bercanggah dengan syariat.

Prinsip kedua pula ialah ketinggian Islam dan larangan *tasyabbuh*, yang menetapkan bahawa setiap unsur budaya yang bercanggah dengan syariat hendaklah ditolak atau disesuaikan, manakala unsur yang sesuai diterima dan diperkasa. Sabda Rasulullah SAW menegaskan bahawa Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi selainnya (Riwayat al-Bukhari). Sabda baginda yang lain pula menyatakan bahawa sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dalam kalangan mereka (Riwayat Abu Dawud).

Gabungan kedua-dua prinsip tersebut melahirkan pendekatan yang seimbang, di mana kerangka ini tidak menafikan kearifan tempatan dan pada masa yang sama tidak menerima sebarang budaya secara membuta tuli. Asimilasi membawa maksud penyatuan dua entiti sehingga membentuk satu kesatuan baharu yang lebih unggul, dan apabila budaya berasimilasi dengan syariat, hasilnya ialah budaya yang berakar dalam kearifan tempatan tetapi tetap tunduk kepada wahyu.

#### 4.2 Tiga Rukun Budaya

Di atas asas asimilasi tersebut berdiri tiga rukun yang membentuk identiti utama kerangka budaya. Rukun pertama ialah bangsa peradaban, iaitu bangsa yang bukan sekadar dikenali melalui darah keturunan atau bahasa percakapan, sebaliknya melalui peradaban yang dibinanya. Bangsa peradaban dalam kerangka ini ialah bangsa yang mempunyai *intimik* dengan bangsanya dan memiliki semangat *asabiyah* yang mengikatnya secara bersama. *Intimik* ialah konsep penggabungan dan ikatan seseorang dengan komuniti seperti keluarga, bangsa, agama atau organisasi. Falsafah humanisme Barat dilihat menafikan *intimik* ini kerana menjadikan individu sebagai pusat segala sesuatu. Islam pula mengiktiraf *intimik* sebagai fitrah manusia sebagai makhluk sosial, dan menghalakannya kepada Allah, kemudian kepada bangsa dan komuniti yang baik. *Intimik* akhirnya melahirkan *asabiyah* yang menurut Ibn Khaldun (2005) bersifat neutral pada zatnya. *Asabiyah* dianggap baik apabila digunakan untuk kebaikan, dan dianggap buruk apabila digunakan untuk kejahatan. Atas alasan tersebut, Islam

tidak menghapuskan *asabiyah*, sebaliknya menghalakannya bagi mengukuhkan agama dengan mengangkat semula peri penting pemeraksanaan etos Melayu dan Bumiputera sebagai sebahagian penting daripada kuasa nasional (Abdullah Zaik, 2024b).

Rukun kedua ialah watan berdaulat, iaitu wilayah yang menjadi tempat tinggal bagi bangsa peradaban tersebut, dengan kedaulatan yang sah. Apa yang membezakan konsep watan dalam kerangka ini daripada konsep negara bangsa Barat adalah pandangan bahawa watan tidak dibatasi oleh sempadan geografi semata-mata. Watan dalam kerangka ini turut merangkumi dimensi ikatan kebersamaan ummah yang melangkaui sempadan geografi. Penjajahan kolonial bukan sahaja telah mengubah sempadan geografi, sebaliknya turut menggantikan watan dengan konsep negara bangsa yang menyempitkan *intimik* kepada batas geografi sahaja. Akibatnya, dasar dan polisi negara-negara Islam menjadi terikat dengan kepentingan kuasa asing. Keadaan ini dinamakan sebagai *al-'amalah*, iaitu keadaan menjadi proksi kepada kuasa luar (Abdullah Zaik, 2024b). Watan berdaulat dalam kerangka kajian ini membawa maksud bukan sahaja kedaulatan geografi, tetapi juga kedaulatan epistemologi, iaitu kebebasan daripada *al-'amalah* dan kedaulatan dasar yang berakar dalam kepentingan ummah.

Rukun ketiga ialah agama yang berasimilasi dengan syariat. Agama dalam kerangka ini bukanlah agama yang terpisah daripada kehidupan harian seperti dalam tradisi sekular, iaitu bukan sekadar pengakuan iman atau ritual peribadi. Agama dalam kerangka ini ialah agama yang menjelma dalam syariat dan dipraktikkan dalam keseluruhan amalan budaya. Pendekatan ini membezakan kerangka yang dicadangkan ini daripada falsafah Barat yang melihat agama sebagai sub-elemen budaya yang dicipta oleh manusia. Dalam kerangka kajian ini, agama bertindak sebagai sumber dan paksi kepada keseluruhan budaya, dan bukan sebagai salah satu komponen daripadanya. Pengertian agama yang dimaksudkan ialah agama yang berasaskan tanzil daripada Allah SWT menerusi wahyu kepada para Nabi, dan bukan agama yang dicipta oleh manusia hasil daripada pengalaman.

Ketiga-tiga rukun ini saling berhubungungan secara organik sebagaimana yang ditunjukkan oleh bulatan bertindih dalam Rajah 1. Bangsa peradaban memerlukan watan untuk berfungsi secara berdaulat, dan watan pula memerlukan bangsa untuk dihuni dan dipertahankan. Manakala, kedua-duanya memerlukan agama untuk memberi jiwa dan hala tuju. Tanpa salah satu daripada ketiga-tiganya, budaya akan kehilangan keseimbangannya. Bangsa tanpa watan akan menjadi diaspora yang lemah pengaruh, watan tanpa bangsa akan menjadi wilayah yang hampa dan mudah dijajah. Manakala, kedua-duanya tanpa agama akan hanyut dalam materialisme.

### 4.3 Tiga Aspek Kerangka Budaya

Sekiranya rukun merupakan komponen yang membentuk identiti kerangka, aspek pula merupakan dimensi yang menjelaskan apa yang dijanjikan oleh kerangka kepada masyarakat. Tiga aspek digambarkan sebagai tiga sisi segi tiga dalam Rajah 1, iaitu kebahagiaan, insaniah dan struktur kenegaraan.

Aspek pertama ialah kebahagiaan yang merujuk kepada kebahagiaan dalam pengertiannya yang unik dalam Islam, iaitu merangkumi kebaikan dan kesejahteraan, pencapaian matlamat, kelazatan jasad dan jiwa, serta bantuan ketuhanan kepada manusia. Aspek ini menyentuh segenap dimensi kebahagiaan sama ada dari segi luaran, fizikal, spiritual, duniawi mahupun ukhrawi. Konsep ini selari dengan janji al-Quran tentang *hayatan tayyibah* dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan" (Surah an-Nahl, 16:97).

Aspek kebahagiaan ini menjadi pembeza antara kerangka yang dicadangkan dengan dua aliran yang dilihat berlebihan. Pertama, kerangka ini menolak hedonisme yang menetapkan keseronokan,

kegembiraan dan kelazatan sebagai matlamat utama kehidupan, kerana hedonisme dilihat bertuhankan hiburan dan berasaskan kemewahan duniawi semata-mata. Kedua, kerangka ini juga menolak *rahbaniyyah* yang menafikan kenikmatan dunia secara mutlak. Sebagai gantinya, kerangka ini menganjurkan pendekatan *wasatiyyah*, iaitu kesederhanaan yang adil dan terbaik, sebagaimana umat Islam digelar sebagai *ummatan wasatan* (Surah al-Baqarah, 2:143).

Aspek kedua ialah insaniah yang merujuk kepada falsafah insaniah (Abdullah Zaik, 2024a). Falsafah insaniah berasaskan hakikat keinsanan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, dan berbeza secara asas daripada humanisme sekular Barat yang mengangkat manusia sebagai pusat kebenaran tanpa rujukan kepada *Khaliq*. Aspek insaniah ini terbina di atas tiga nilai paksi. Nilai pertama ialah *al-haq* yang membawa maksud kebenaran mutlak yang bersumberkan Allah SWT. Dalam konteks budaya, nilai kebenaran ini bermaksud bahawa setiap penghasilan budaya seperti seni, undang-undang dan adat hendaklah berakar dalam kebenaran, dan bukan dalam fantasi atau kepalsuan. Nilai ini membezakan konsep keindahan atau *jamal* dalam Islam, kerana keindahan dalam Islam dikaitkan dengan kebenaran.

Nilai kedua ialah *al-'adalah* yang membawa maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul. Nilai ini menetapkan bahawa pengiktirafan, ganjaran, hak dan tanggungjawab hendaklah dibahagikan secara adil berasaskan takwa dan amal soleh. Nilai ini juga berperanan sebagai benteng terhadap pemusatan kuasa kapitalis (Abdullah Zaik, 2024a). Nilai ketiga ialah *al-mas'uliyah* yang membawa maksud kesedaran bahawa setiap manusia ialah khalifah Allah yang akan dipersoalkan tindakannya di akhirat. Dalam konteks budaya, nilai tanggungjawab ini bermaksud bahawa kebebasan berbudaya hendaklah disertai dengan tanggungjawab, suatu pendirian yang membezakan konsep kebebasan dalam Islam daripada *freedom of expression* dalam liberalisme. Ketiga-tiga nilai paksi ini berhubungan secara semula jadi, iaitu *al-haq* menetapkan apa yang benar, *al-'adalah* memastikan kebenaran dilaksanakan secara saksama, manakala *al-mas'uliyah* pula memastikan pelaksanaan disertai dengan akauntabiliti.

Aspek ketiga ialah struktur kenegaraan yang merujuk kepada penetapan polisi dan dasar berkaitan budaya. Aspek ini mengakui realiti bahawa budaya tidak akan dapat bertahan dan berkembang tanpa sokongan institusi, iaitu negara dan strukturnya. Kuasa dan pemerintahan diperlukan bagi melebarkan pengaruh bangsa dan budaya, serta untuk menetapkan polisi dan dasar berkaitan kebudayaan. Apabila budaya tidak disokong oleh struktur kenegaraan, ia akan menjadi amalan periferi yang mudah dihakis oleh budaya dominan global yang disokong oleh kuasa-kuasa lain. Sebaliknya, apabila budaya disokong oleh struktur kenegaraan menerusi dasar pendidikan, dasar media, dasar kesenian dan dasar pembedaan, ia akan menjadi norma yang dialami oleh setiap warga setiap hari. Aspek ini juga mengakui bahawa tamkin kuasa pada hakikatnya bermaksud penguasaan ke atas paksi-paksi kuasa termasuklah paksi institusional. Atas sebab tersebut, gagasan Malaysia Unggul 2040 menggabungkan komponen kebudayaan dengan sembilan komponen strategik lain termasuk politik, pendidikan, ekonomi dan media, kerana ketiga-tiga aspek kerangka memerlukan sokongan struktur kenegaraan bagi mendirikan paksi budaya dalam membangunkan tamkin kuasa (Abdullah Zaik Abd Rahman, 2024b).

#### 4.4 Matlamat Akhir: Tamkin Kuasa

Pada puncak kerangka berdiri matlamat akhirnya, iaitu tamkin kuasa. Berdasarkan takrifan yang dikemukakan, tamkin kuasa bukanlah sekadar kuasa autoriti yang dimenangi menerusi peti undi, kerana pemahaman yang sempit terhadap tamkin telah menjadi punca kegagalan banyak harakah Islamiyyah di seluruh dunia (Abdullah Zaik, 2024b). Sebaliknya, tamkin kuasa merupakan penguasaan menyeluruh ke atas pelbagai paksi pengaruh termasuk media, ekonomi, hubungan antarabangsa, pendidikan, sains dan teknologi serta kebudayaan. Dalam kerangka yang dicadangkan, tamkin kuasa

dapat dicapai apabila keseluruhan kerangka beroperasi secara bersepadu.

Asas asimilasi antara budaya dengan syariat memastikan bahawa apa yang dibangunkan berakar dalam kebenaran wahyu dan kearifan tempatan. Tiga rukun menyediakan komponen identiti yang utuh, iaitu bangsa peradaban yang berasabiyah positif, watan berdaulat, dan agama yang menjadi paksi. Tiga aspek pula menjelaskan apa yang dijanjikan kepada masyarakat, iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat, hakikat keinsanan yang diangkat, dan struktur kenegaraan yang menyokong dasar berasaskan syariat. Apabila kesemua komponen tersebut beroperasi sebagai satu sistem, hasilnya ialah tamkin kuasa, iaitu negara unggul yang memiliki kuasa nasional yang menyeluruh, masyarakat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, berakhlak dan berperadaban, serta berkeupayaan untuk berdiri sebagai sebuah peradaban yang berdaulat (Abdullah Zaik, 2024b).

Perkara yang membezakan kerangka ini daripada senarai elemen budaya konvensional ialah hubungan yang berstruktur antara komponen-komponennya. Setiap komponen disokong oleh komponen yang lain dan menyokong komponen yang lain pula, sehingga membentuk satu sistem bersepadu. Pengurangan mana-mana komponen akan menggoyahkan keseluruhan binaan kerangka. Tanpa asas asimilasi, rukun-rukun akan terapung tanpa fondasi yang kukuh. Tanpa rukun bangsa, kerangka akan kehilangan pemiliknya. Tanpa rukun watan pula, kerangka akan kehilangan tempatnya. Tanpa rukun agama, kerangka akan kehilangan jiwanya. Tanpa aspek kebahagiaan, kerangka tidak akan dapat menjanjikan apa-apa kepada masyarakat. Tanpa aspek insaniah, kerangka akan jatuh ke dalam utilitarianisme atau hedonisme. Tanpa aspek struktur kenegaraan pula, kerangka hanya akan tinggal sebagai cita-cita peribadi tanpa pelaksanaan secara kolektif.

## 5.0 PENUTUP

Kajian ini telah membentangkan satu kerangka budaya baharu yang disusun sebagai sistem bersepadu berbentuk segi tiga dengan tamkin kuasa sebagai matlamat akhirnya. Berbeza dengan kerangka konvensional yang membentangkan elemen budaya sebagai senarai berasingan, kerangka yang dicadangkan ini menyusun elemen-elemen tersebut sebagai satu binaan yang saling sokong-menyokong. Asas asimilasi antara budaya dengan syariat menjadi asas kerangka, melalui tiga rukun yang terdiri daripada bangsa peradaban, watan berdaulat dan agama. Rukun-rukun ini bertindak sebagai komponen identiti melalui tiga aspek utama yang terdiri daripada kebahagiaan, insaniah dan struktur kenegaraan. Manakala, tamkin kuasa pada puncak segi tiga merupakan hasil yang terhasil apabila keseluruhan sistem beroperasi. Justeru, sumbangan utama kajian ini bukanlah sekadar mengusulkan elemen-elemen baharu budaya, sebaliknya mengubah cara kerangka budaya disusun, iaitu beralih daripada senarai elemen kepada sistem bersepadu yang berorientasikan matlamat.

Selain itu, kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diakui. Limitasi pertama ialah kajian ini bersifat konseptual dan teoretikal, sedangkan pengesahan empirikal terhadap kebolehoperasian kerangka dalam konteks Malaysia secara meluas belum dijalankan. Oleh yang demikian, kajian akan datang perlu mengembangkan instrumen pengukuran tahap tamkin kuasa berdasarkan kerangka yang dicadangkan. Limitasi kedua ialah penghuraian setiap komponen kerangka boleh diperluaskan melalui kajian susulan yang menumpukan kepada satu-satu rukun atau aspek secara mendalam, contohnya kajian khusus tentang aspek struktur kenegaraan dalam penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Akhir sekali, kajian akan datang boleh menghubungkan kerangka budaya ini dengan bidang strategik lain seperti politik, ekonomi, pendidikan, media, sains dan teknologi, hubungan antarabangsa, pertahanan, sosial serta alam sekitar bagi membentuk satu sistem pembangunan yang bersepadu menuju tamkin kuasa yang sebenar.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR) dan Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang menyokong penyelidikan ini, serta kepada panel pakar yang menyumbangkan pandangan dalam siri perbincangan yang dijalankan.

## Rujukan

- Abdullah Zaik Abd Rahman. (2024a). *Negara Unggul dalam Konteks Malaysia: Negara Maju Acuan Sendiri*. Bandar Baru Bangi, Selangor: Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia. ISBN: 9786299920502.
- Abdullah Zaik Abd Rahman. (2024b). Teks penuh ucapan dasar Amir ISMA sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-17. Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia. Diperoleh daripada <https://isma.org.my/teks-penuh-ucapan-dasar-amir-isma-sempena-mesyuarat-agung-perwakilan-kali-ke-17/>
- Al-Attas, S. M. N. (1976). *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghadban, M. M. (1996). *Al-Manhaj al-Haraki li al-Sirah al-Nabawiyah*. Amman: Maktabah al-Manar.
- Al-Qaradawi, Y. (1997). *Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Hawwa, S. (1994). *Jund Allah Thaqa'atan wa Akhlaqan*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Khaldun. (2005). *Muqaddimah Ibn Khaldun* (terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Jalil, Z., Abd Samat, M. A. S., Mohamed Sharip, M. S. A., Ibrahim, N., Adam, N. R., & Ali, Z. (2024). Falsafah Budaya dan Pengalaman Budaya Bangsa dalam Pembangunan Negara dan Tamadun. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies (IJISTRA)*, 5(9), 544-566. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2024.89>
- Mohd Anuar Ramli. (2006). Asas Hukum dalam Budaya: Suatu Penilaian terhadap Kerangka 'Urf dalam Pembentukan Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 14(2), 253-272.